

2 memorandum bantah forum anjuran Artikel 11

BH-221712006

JOHOR BAHRU: Pergerakan Pemuda Umno dan Dewan Pemuda Pas Johor masing-masing menyerahkan memorandum kepada polis semalam sebagai membantah perjumpaan Forum Kebebasan Beragama anjuran Kumpulan Artikel 11 yang akan diadakan di Hotel Selesa, di sini hari ini.

Dalam memorandum kedua-dua pertubuhan Pemuda itu mendesak dan meminta polis membatalkan perhimpunan yang dianggap boleh mencetuskan suasana tidak tenteram dalam negara yang mempunyai pelbagai agama dan kaum.

Seramai 10 pemimpin Pergerakan Pemuda Umno diketuai Ketua Pergerakan Pemuda Umno Johor Bahru, Khalid Mohamed menyerahkan memorandum berkenaan kepada Ketua Polis Johor Bahru Selatan, Asisten Komisioner Roslan Ahmad di Ibu Pejabat Polis Daerah Johor Bahru Selatan, kira-kira jam 3 petang.

Dewan Pemuda Pas Johor dengan seramai enam orang diketuai Naib Ketua Pemuda Pemuda Pas Pusat, Mazlan Alimin

pula menyerahkan memorandum berkenaan di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Johor, kira-kira jam 11 pagi.

Khalid berkata, Pemuda Umno Johor menentang dan membantah sekeras-kerasnya forum berkenaan kerana tindakan berkenaan adalah mencabar hak mutlak agama Islam sebagai agama rasmi.

Beliau berkata, segala usaha untuk meminda mana-mana undang-undang yang berkaitan dengan kedudukan dan hak agama Islam adalah tindakan provokasi yang boleh mewujudkan perpecahan agama dalam negara dan rasa tidak harmoni dalam masyarakat majmuk.

"Usaha yang menjurus kepada perpecahan di dalam agama dan bangsa dalam negara adalah satu usaha yang berbahaya dan mesti diklasifikasikan sebagai kumpulan pelampau walaupun mereka bergerak atas nama pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

"Oleh itu, kami meminta polis menghalang perjumpaan berkenaan, menarik balik permit atau membatalkan perjumpaan berkenaan," katanya.